

30 OCT 2003

DR MAHATHIR PEMIMPIN ASIA PERTAMA BERANI BERDEPAN DENGAN BARAT

MELBOURNE, 30 Okt (Bernama) -- Seorang ahli akademik Australia yang dilahirkan di Malaysia hari ini berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah pemimpin Asia pertama yang berani berdepan dan mengancam mana-mana pemimpin Barat yang bersikap tinggi diri.

Profesor Vin D'Cruz dari Pusat Pengajian Asia Universiti Monash di sini dalam temubual dengan akhbar The Australian, berkata: "Terdapat banyak masalah perhubungan (Malaysia-Australia) sebelum beliau (Dr Mahathir), tetapi ia tidak hangat. Kehangatan tiba sejak 1981."

Prof D'Cruz berkata kritikan asas Dr Mahathir - bahawa Australia bersikap tinggi diri seperti kuasa penjajah yang memandang rendah jiran-jirannya yang berkulit gelap - mempunyai merit.

"Apa yang didengar tentang Dr Mahathir - dia bongkak, kasar - ini bahasa yang digunakan oleh bangsa Eropah terhadap Australia satu masa dulu," kata Prof D'Cruz yang menambah bahawa dari segi sejarahnya, Australia cuba mengubati perasaan rendah dirinya terhadap Britain dengan berlagak ke atas Asia.

"Apabila Dr Mahathir muncul dan tidak mengikut rentak pemimpin Asia lain... kita (Australia) terkejut dan menganggap orang ini ingat dia lebih besar dari kita. Belum ada pemimpin Asia yang secara terbuka mahu dilayan setara dengan Australia."

Seorang lagi ahli akademik Alison Broinowski memberitahu akhbar itu bahawa pandangan Dr Mahathir - terutama kritikan tentang layanan Australia terhadap penduduk Asli dan pendatang - "tidak akan terjadi jika ia tiada unsur kebenaran".

-- BERNAMA
NDC AHH MOZ